# PENGIMEJAN ANAK BULAN

PENGISBATAN ANAK BULAN MELALUI TEKNIK PENGIMEJAN ADALAH HARUS DENGAN MENGAMBIL KIRA GARIS PANDUAN BERIKUT:

## HILAL (ANAK BULAN)

- MALAYSIA MENGAMALKAN IMKANUR RUKYAH (RUKYAH DAN HISAB) DALAM PENENTUAN AWAL PUASA DAN HARI RAYA
- KENAMPAKAN HILAL MELALUI PERALATAN/TEKNIK ASTRONOMI HANYA BOLEH DIAMBILKIRA SEKIRANYA MEMENUHI SYARAT IMKANUR RUKYAH
- IMEJ HILAL YANG DIRAKAM MELALUI TEKNIK PENGIMEJAN MESTILAH BERTEPATAN DENGAN HISAB FALAK/ASRTONOMI
- BENTUK YANG DIPERAKUI DAN SAHIH SEBAGAI HIILAL (ANAK BULAN) ADALAH 3 IAITU:




## APLIKASI INSTRUMEN DAN TEKNIK PENGIMEJAN

KENAMPAKAN HILAL MESTILAH MELALUI MATA KASAR ATAU PENGGUNAAN KACA MATA, TELESKOP, TEODOLIT DAN BINOKULAR

PENGGUNAAN KAMERA DIGITAL DITERIMA SEKIRANYA :

- JULAT CAHAYA TAMPAK = JULAT CAHAYA MATA MANUSIA
- DILAKUKAN SECARA LANGSUNG (REAL TIME) SEWAKTU CERAPAN
- KAMERA DIGITAL YANG DIMODIFIKASIKAN TIDAK DITERIMA PAKAI
- PENGIMEJAN ASTRONOMI TERHAD KEPADA JULAT CAHAYA TAMPAK (400-700 NM) SERTA (AMBIENT TEMPERATURE)

### PELARASAN YANG DIBENARKAN

- MENAJAM DAN MENJELASKAN IMEJ TANPA MENOKOK TAMBAH DARI IMEJ ASAL
- IMBANGAN PUTIH (WHITE BALANCE)
- KONTRAS (CONTRAST)
- KECERAHAN (BRIGHTNESS)
- DEDAHAN (EXPOSURE)
- LENGKUNG LARAS (LEVEL AND CURVE)
- TEKNIK PELARASAN IMEJ YANG SETARA DENGANNYA
- PROSES MENINGKATKAN IMEJ YANG DIPERTINGKATKAN (IMAGE ENHANCEMENT) HANYA DITERIMA DALAM TEMPOH CERAPAN DAN PROSES TERSEBUT PERLULAH DISAKSIKAN OLEH AHLI JAWATANKUASA RUKYAH.
- KESEMUA PROSES PENGAMBILAN DAN PENGANALISAAN IMEJ ANAK BULAN HENDAKLAH DILAKUKAN DALAM TEMPOH SELEPAS MATAHARI TERBENAM DAN SEBELUM BULAN TERBENAM.
- TEKNIK PENINDANAN IMEJ (STACKING) TIDAK DITERIMA KERANA MENGGUNAKAN BEBERAPA IMEJ (MULTIPLE FRAMES) YANG DITINDAN DAN MENGUBAH KEAMATAN (INTENSITY) ANAK BULAN.

### 29 TEMPAT YANG DIPERKENANKAN OLEH PEJABAT PENYIMPAN MOHOR BESAR RAJA-RAJA






IMEJ YANG TERHASIL PADA TELESKOP DAN KAMERA DIGITAL PERLULAH MERUPAKAN IMEJ TUNGGAL (SINGLE FRAME IMAGE). IMEJ TERSEBUT MERUPAKAN AL-QARINAH BAGI KENAMPAKAN ANAK BULAN SEWAKTU CERAPAN.

## TEMPOH KENAMPAKAN HILAL (ANAK BULAN



MULA → TAMAT



SETELAH MATAHARI TERBENAM — SEHINGGA HILAL TERBENAM

KENAMPAKAN HILAL BAGI CERAPAN RASMI RAMADAN, SYAWAL DAN ZULHIJJAH PERLU DILAPORKAN KEPADA PENYIMPAN MOHOR BESAR RAJA-RAJA

## BILANGAN SAKSI

| | RAMADAN | SELAIN RAMADAN |
|---|---|---|
| KENAMPAKAN SECARA TERUS | 1 ORANG SAKSI | 2 ORANG SAKSI |
| TEKNIK PENGIMEJAN | 2 ORANG SAKSI ADIL | 2 ORANG SAKSI ADIL |

SEKIRANYA HANYA SAKSI PERTAMA SAHAJA MELIHAT ANAK BULAN MELALUI MATA KASAR DAN IMEJ BERJAYA DIRAKAM, SEDANGKAN SAKSI KEDUA TIDAK SEMPAT UNTUK MELIHAT ANAK BULAN TERSEBUT, MAKA MEMADAI DENGAN SAKSI KEDUA TERSEBUT MELIHAT IMEJ YANG DIPAPARKAN MELALUI SKRIN KAMERA/ KOMPUTER

- SEKIRANYA HANYA IMEJ YANG DAPAT DILIHAT PADA SKRIN KAMERA/ KOMPUTER DAN MEMENUHI KRITERIA IMKAN AL-RU'YAH MAKA KESAKSIAN ADALAH DITERIMA
- JIKA DISAKSIKAN OLEH SELAIN AHLI JAWATANKUASA, KETUA ROMBONGAN HENDAKLAH MELAKUKAN SIASATAN LANJUT DENGAN BANTUAN MEREKA YANG BERPENGALAMAN BAGI MEMPERTIMBANGKAN KENAMPAKAN ANAK BULAN TERSEBUT
- PENYAKSIAN YANG DIBERIKAN OLEH SAKSI PERLULAH MEMILIKI NIAT DAN TUJUAN YANG BAIK, SERTA SENTIASA BERHATI-HATI DARI MELAKUKAN KESILAPAN BAGI MENJAMIN LAPORAN YANG DIBERIKAN ITU BENAR DAN SAHIH

SKF, JAKIM